



LAPORAN TAHUNAN UKKP 2022

JADUAL KANDUNGAN

Pendahuluan.....	i
Visi & Misi.....	ii
Carta Organisasi UKKP.....	iii
Pencapaian Perkhidmatan.....	1
Pelaporan Nanopod HCTM 2022.....	2
Laporan Kecederaan Tajam HCTM 2022.....	3
Laporan Penyakit Pekerjaan HCTM 2022.....	5
Pelupusan Buangan Terjadual (Sisa Kimia).....	9
Pemeriksaan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (PTTK) Secara Kendiri HCTM.....	11
Audit Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja.....	12
Laporan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Persekitaran (JKKP) HCTM.....	13
Aktiviti UKKP HCTM 2022.....	16



Laporan Tahunan UKKP 2022.

Laporan Tahunan Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP) 2022 menerangkan operasi, perkhidmatan yang ditawarkan dan pencapaian UKKP sepanjang tahun 2022. Laporan tahunan ini memberikan gambaran yang menyeluruh untuk segala inisiatif dan aktiviti yang dilaksanakan bagi mencapai matlamat jangka pendek dan panjang yang dirancang demi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan warga HCTM.

Sekilas pandang, UKKP merupakan entiti di HCTM yang bertanggungjawab dalam pengurusan aspek-aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di HCTM selaras dengan kehendak peraturan negara, terutamanya Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Dalam memastikan kepatuhan HCTM kepada akta berkenaan, UKKP bertanggungjawab dalam perkara-perkara berikut;

- a. Memantau dan memastikan pematuhan akta dan peraturan mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan di HCTM
- b. Mengkaji keperluan dasar, tataamalan, program dan aktiviti keselamatan, kesihatan dan persekitaran pekerjaan di HCTM
- c. Merangka dan membangunkan dasar atau polisi berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di HCTM
- d. Membentuk garis panduan, tataamalan, program dan aktiviti
- e. Memantau penguatkuasaan dasar dan polisi serta memantau pelaksanaan tataamalan, program dan aktiviti oleh setiap pusat tanggungjawab di HCTM
- f. Memberi latihan berkaitan keselamatan, kesihatan dan persekitaran pekerjaan kepada warga HCTM
- g. Memberi khidmat konsultasi keselamatan kesihatan dan persekitaran pekerjaan kepada setiap warga HCTM.

VISI


Ke arah warga serta pelanggan HCTM yang sihat, selamat dan produktif.

MISI

Bagi mencapai visi di atas, UKKP akan

- Memastikan pematuhan kepada perundangan berkaitan keselamatan, kesihatan dan persekitaran pekerjaan oleh warga HCTM.
- Membangun dan menguatkuasa dasar dan tataamalan yang menjurus kepada keselamatan, kesihatan dan persekitaran pekerjaan yang baik.
- Menggalakkan penglibatan seluruh warga HCTM di dalam menjamin keselamatan, kesihatan dan persekitaran pekerjaan.

Carta Organisasi Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Hospital Canselor Tuanku Muhriz



Perbandingan Pencapaian Perkhidmatan Tahun 2021 dan 2022

PERKARA / NOTIFIKASI	2021	2022
Kes kemalangan yang dilaporkan ke UKKP:		
a) Kemalangan tempat kerja	20	13
b) Kecederaan tajam	77	82
Kes penyakit yang dilaporkan ke UKKP:		
a) Tuberkulosis	4	0
b) COVID-19	953	217
Kes kejadian berbahaya yang dilaporkan ke UKKP	15	1
Pelupusan buangan terjadual (sisa kimia):		
a) Bilangan pelupusan	3	5
b) Berat sisa dilupuskan	8.31 MT*	5.42 MT*
c) kos keseluruhan	RM 33,374.50	RM 34,360.00
Bilangan Mesyuarat JKKP	4	3

*MT = Metrik Tan

Jadual 1

STATISTIK KEMALANGAN PEKERJAAN, KEJADIAN BERBAHAYA, KEKERASAN DAN KEMALANGAN NYARIS YANG DILAPORKAN DI HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHZIZ TAHUN 2022

Analisa data memaparkan statistik kemalangan yang diperincikan berdasarkan kategori kes yang dilaporkan iaitu kejadian berbahaya, kemalangan pekerjaan, kekerasan dan kemalangan nyaris mengikut suku tahun.

Statistik suku tahunan bagi bilangan kemalangan pekerjaan menunjukkan jumlah yang sama pada suku tahunan pertama, kedua dan keempat iaitu sebanyak 3 kes, manakala sebanyak 4 kes pada suku tahunan ketiga. Bilangan kes kekerasan adalah sebanyak 1 kes pada suku tahun pertama dan sebanyak 2 kes pada suku tahun keempat menjadikan jumlah kes sebanyak 3 kes.


Bagi rekod kejadian berbahaya dan kemalangan nyaris, kedua-dua kategori kes merekodkan jumlah yang rendah iaitu sebanyak 1 kes pada suku tahunan kedua untuk kejadian berbahaya dan 1 kes pada suku tahunan pertama untuk kemalangan nyaris. Secara keseluruhannya pada tahun 2022, jumlah kes kemalangan pekerjaan, kejadian berbahaya, kekerasan dan kemalangan nyaris yang direkodkan adalah sebanyak 18 kes.

► Statistik Kemalangan Pekerjaan, Kekerasan, Kejadian Berbahaya dan Kemalangan Nyaris mengikut Suku Tahunan.

KATEGORI KEJADIAN	Q1	Q2	Q3	Q4	JUMLAH
Kemalangan Pekerjaan	3	3	4	3	13
Kekerasan	1	0	0	2	3
Kejadian Berbahaya	0	1	0	0	1
Kemalangan Nyaris	1	0	0	0	1
Jumlah	5	4	4	5	18

Jadual 2

► Kemalangan Pekerjaan dan Kekerasan mengikut Kumpulan Umur dan Jantina




Gambar Rajah 1

Majoriti kemalangan dan kekerasan melibatkan kakitangan perempuan (66.7%). Sebanyak 7 kes melibatkan kakitangan berusia 41-50 tahun, 4 kes dalam lingkungan umur 31-40 tahun, manakala 3 kes melibatkan kakitangan berusia 21-30 tahun. Selain itu, hanya 1 kes yang direkodkan melibatkan kakitangan berumur di bawah umur 21 tahun.

Hasil penelitian yang dibuat, 6 kes kemalangan pekerjaan adalah kecederaan serius dan telah dilaporkan kepada Jabatan Keselamatan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) melalui Borang JKKP6.


Analisis Kes Kecelakaan Tajam (Needlestick Injury, NSI) 2022

Berikut merupakan jadual-jadual dan graf-graf kes kecederaan tajam dalam kalangan kakitangan HCTM, pelajar dan vendor HCTM pada tahun 2022, mengikut pekerjaan, lokasi, jenis peralatan tajam atau percikan, dan bagaimana ia terjadi.




Gambar Rajah 2

Kes Kecelakaan Tajam Mengikut Pekerjaan




Gambar Rajah 3

Kes Kecelakaan Tajam Mengikut Jenis Peralatan Tajam/Percikan



Gambar Rajah 4

Kes Kecelakaan Tajam Mengikut Lokasi



Gambar Rajah 5

Kes Kecelakaan Tajam Mengikut Bagaimana Ia Terjadi

Aktiviti-Aktiviti NSI 2022

Beberapa aktiviti berkaitan atau bertujuan untuk menurunkan kes kecederaan tajam telah dilakukan pada tahun 2022. Lawatan audit kecederaan tajam telah dilakukan sebanyak 2 kali pada bulan Jun dan Oktober, ke wad-wad perubatan dan ke Dewan Bedah Utama HCTM, iaitu di kawasan-kawasan yang mempunyai kes paling tinggi.

Ceramah tentang kecederaan tajam juga telah diberikan kepada setiap kohort pengambilan baru Pegawai Perubatan Siswazah, kerana kumpulan pekerjaan ini yang paling terdedah dengan risiko kecederaan tajam. Ceramah atas talian tentang kaedah pengambilan darah yang betul dan selamat juga telah diberikan pada awal tahun 2022.

Sistem pelaporan kes kecederaan tajam juga telah dibangunkan bersama dengan insiden-insiden lain HCTM, untuk memudahkan mangsa atau Pegawai Insiden di tempat kejadian membuat laporan kes kecederaan tajam.

Wakil UKKP juga telah dipilih untuk menjadi ahli Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi dan Penilaian Teknikal untuk pemilihan jarum yang mematuhi spek keselamatan.




Penyakit Pekerja Tuberkulosis Dalam Kalangan Kakitangan HCTM 2022

Pada tahun 2022, bermula Januari sehingga Disember tiada kes penyakit pekerja Tuberkulosis dilaporkan dalam kalangan kakitangan HCTM. Berdasarkan pemerhatian, antara faktor penyumbang kepada penurunan kadar kes adalah pematuhan kakitangan terhadap pemakaian Peralatan Perlindungan Diri (PPE) yang diwajibkan sepanjang tempoh pandemik dan peralihan endemik. Sehubungan itu, analisa statistik penyakit pekerja TB HCTM memfokus kepada analisa data keseluruhan yang didapati bermula dari tahun 2012 sehingga 2022.

Data Keseluruhan Kes Jangkitan Tuberkulosis Kakitangan HCTM Tahun 2012 Hingga 2022

Graf 1 menunjukkan statistik kes Tuberkulosis kakitangan HCTM tahun 2012 sehingga 2022. Kadar kes adalah tidak konsisten bermula tahun 2012 sehingga 2022. Kes yang tertinggi dilaporkan pada tahun 2015 dan 2016 iaitu masing 13 dan 12 kes. Namun terdapat penurunan kes bermula tahun 2018 iaitu sebanyak 11 kes dan tiada kes yang dilaporkan pada tahun 2022. Secara keseluruhan, jumlah kes TB di HCTM dalam kalangan kakitangan HCTM adalah sebanyak 80 kes sepanjang 10 tahun.



Gambar Rajah 6

Sistem Pengurusan Insiden Bersepadu (SPIB)

Sistem eNsiden telah diwujudkan bagi membangunkan suatu sistem pelaporan insiden secara seragam meliputi keseluruhan jenis insiden yang berlaku di HCTM. Salah satu komponen dibawah keselamatan pekerja adalah pelaporan penyakit TB. Pelaporan penyakit TB dibawah sistem ini fokus kepada kakitangan yang didiagnosis di HCTM kerana sistem ini hanya boleh diakses oleh kakitangan HCTM. Bagi kakitangan yang didiagnosis di fasiliti kesihatan yang lain masih perlu memaklumkan kepada UKKP bagi tujuan pengumpulan data ,penyiasatan dan juga saringan kontak.

Hari Tuberkulosis HCTM 2022

Pihak UKKP telah menganjurkan sambutan Hari Tuberkulosis HCTM pada 20 Jun 2022 sehingga 23 Jun 2022. Penganjuran program ini adalah dengan kerjasama Unit Respiratori, Jabatan Perubatan, Jabatan Farmasi, dan Persatuan Pelajar Perubatan (PERSIAP). Antara acara utama dalam sambutan Hari Tuberkulosis ini perasmian Hari Tuberkulosis, pameran berkaitan penyakit pekerjaan Tuberkulosis, saringan Ujian Mantoux kepada kakitangan yang bekerja di lokasi dan skop kerja yang berisiko tinggi dan webinar kesedaran berkaitan penyakit Tuberkulosis bertajuk "A Quick Overview of TB and Its Challenges".

Program ini juga telah mendapat tajaan daripada beberapa pihak iaitu Terumo, Pharmaniaga, Coway, Kafeteria delima, Kafeteria KBM, Dolceza, Gloria Jeans, dan Unikeb. Penajaan ini telah membantu UKKP dalam persediaan melaksanakan program ini dan membantu dalam penggunaan peruntukan yang optimum.

Sambutan yang sangat baik daripada kakitangan HCTM telah diterima dengan seramai lebih kurang 200 orang menyertai acara perasmian serta pameran dan webinar mencapai peserta seramai 669 orang. Manakala aktiviti saringan mantoux telah disertai seramai 23 orang kakitangan. Daripada analisa maklum balas program juga menunjukkan peserta berpuas hati dengan pelaksanaan program ini. Secara keseluruhan program ini mencapai objektif yang disasarkan.

Saringan Ujian Mantoux Kepada Kakitangan Yang Bekerja Di Lokasi Dan Skop Kerja Berisiko Tinggi

Seramai 23 orang kakitangan daripada beberapa lokasi kerja berisiko telah menjalani ujian saringan mantoux yang dikendalikan oleh jururawat terlatih UKKP. Hasil daripada saringan ini telah dikenalpasti seorang kakitangan telah didiagnosa sebagai TB laten. Kakitangan ini kemudian dirujuk ke unit respiratori untuk pemeriksaan lanjut dan juga rawatan.

Kesimpulan

Langkah pencegahan dan kawalan penyakit Tuberkulosis perlu diteruskan bagi mencapai matlamat hasrat Malaysia bebas tibi menjelang tahun 2035. Selain daripada itu, langkah - langkah yang diambil adalah penting kerana penyakit ini adalah penyakit yang dapat dielakkan daripada berlaku semasa berada di lokasi pekerjaan terutama sekali pekerja di fasiliti kesihatan. Maka, usaha pencegahan haruslah lebih memfokus kepada kumpulan kategori pekerja yang berisiko tinggi agar impak langkah kawalan yang diambil berhasil.



Sekitar Majlis Perasmian Dan Pameran Hari Tibi, HCTM 2022



SEKITAR PROGRAM SARINGAN UJIAN MANTOUX KAKITANGAN BEKERJA DI LOKASI DAN SKOP KERJA YANG BERISIKO TINGGI



WEBINAR KESEDARAN BERKAITAN PENYAKIT PEKERJAAN TUBERKULOSIS

JANGKITAN COVID -19 DALAM KALANGAN KAKITANGAN HCTM 2022

Sebanyak 217 kes jangkitan COVID - 19 telah dilaporkan sepanjang tahun 2022 yang melibatkan kakitangan HCTM di tempat kerja masing - masing yang berpunca daripada pendedahan kontak dengan pesakit dan juga rakan sekerja. Berdasarkan jadual di bawah, jumlah kakitangan yang dijangkiti COVID -19 yang berpunca daripada kontak dengan rakan sekerja menunjukkan punca yang paling tinggi iaitu sebanyak 158 (72.8%) kes. Sementara pendedahan kepada pesakit adalah sebanyak 59 (27.2%) kes.

JENIS PEMBEDAHAN	KES COVID-19 DI KALANGAN KAKITANGAN	
	BILANGAN (ORANG)	%
Kontak dengan Pesakit	59	27.2%
Kontak dengan Rakan Sekerja	158	72.8%
Jumlah	217	100.0%

Jadual 3: Jumlah Jangkitan Dalam Kalangan Kakitangan Berdasarkan Jenis Pendedahan

Jadual diatas menunjukkan perbandingan bulanan penularan kes jangkitan COVID - 19 dalam kalangan kakitangan HCTM dari bulan Januari sehingga bulan Disember 2022. Kes jangkitan yang berpunca daripada pekerjaan adalah paling tinggi pada bulan Februari dan Mac iaitu masing - masing sebanyak 70 dan 81 kes berbanding bulan yang lain. Terdapat kejadian kluster berkaitan pekerjaan di Jabatan Perkhidmatan Makmal Diagnostik pada bulan Februari namun, tindakan segera telah diambil bagi mengawal penularan kes. Kadar jumlah kes yang tinggi pada Februari dan Mac adalah berkaitan dengan kenaikan kes jangkitan COVID -19 yang berlaku di Malaysia. Kadar kes yang berlaku pada bulan yang lain adalah terkawal dan tiada lagi kejadian kluster pekerjaan berlaku di HCTM.




Gambarajah 7: Jangkitan COVID-19 Berkaitan Pekerjaan Dalam Kalangan Kakitangan HCTM Sepanjang Tahun 2022.

Pada tahun 2022, pengurusan pelupusan buangan terjadual (sisa kimia) di HCTM telah dilaksanakan sebanyak 5 kali iaitu pada Bulan Ogos, September dan November dan Januari 2023. Kerja-kerja pelupusan buangan terjadual (sisa kimia) hanya dapat dimulakan pada suku ketiga tahun 2022 disebabkan masalah pelantikan kontraktor.

Bil	Tarikh Pelupusan	Jenis Sisa	Kontraktor Pelupusan	Kod Sisa	Pembungkusan	Berat Sisa (M/T)
1.	18/8/2022	Pelarut terpakai bukan halogen dari makmal	Riyaland Sdn. Bhd	SW322	42 Jerrican/ Carboy	1.250
2.	19/8/2022	Pelarut terpakai bukan halogen dari makmal	Riyaland Sdn. Bhd	SW 322	64 Jerrican/carboy	1.920
3.	23/9/2022	Pelarut terpakai bukan halogen dari makmal	Riyaland Sdn. Bhd	SW 322	5 x 55 Gal. Drum Plastik	1.000
4.	2/11/2022	Bekas /botol bahan kimia yang tercemar dengan bahan kimia makmal	Famous Phase Sdn. Bhd	SW 409	2 Bag	0.150
5.	13/1/2023	Pelarut terpakai bukan halogen dari makmal	Riyaland Sdn. Bhd.	SW 322	6 Drum	1.100

*M/T = Metrik Tan

Jadual 4



Gambarajah 8: Buangan Terjadual yang Dilupuskan Pada Tahun 2022.

Pada tahun 2022, sisa kimia yang paling banyak dihasilkan oleh HCTM adalah dalam kategori sisa pelarut bukan halogen terpakai (SW322) iaitu sebanyak 96.5% dari keseluruhan sisa. Tiada sisa dari kategori SW 206 (asid tidak organik terpakai) dan SW 323 (buangan pelarut organik terhalogen) yang dilupuskan pada tahun ini.



Kerja-kerja Pengumpulan Buangan Terjadual
(Sisa Kimia)



PEMERIKSAAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN TEMPAT KERJA (PKKTK) SECARA KENDIRI HCTM

Pemeriksaan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (PKKTK) secara sendiri adalah langkah proaktif setiap tempat kerja bagi memastikan pematuhan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan secara berkala setiap 3 bulan pada tahun semasa bagi mengawal dan mencegah risiko keselamatan dan kesihatan di tempat kerja seterusnya mewujudkan persekitaran kerja yang lebih selamat, sihat dan kondusif. Pelaksanaan PKKTK dilakukan menggunakan borang secara atas talian yang boleh dicapai melalui capaian <https://tinyurl.com/PKKTKKendiriHCTM>.

Sebanyak 126 tempat kerja yang terdiri daripada jabatan pentadbiran, klinikal, sokongan klinikal dan pusat kecemerlangan pendidikan. Di bawah jabatan-jabatan klinikal dan sokongan klinikal pula terdapat wad, klinik dan makmal.

Hasil analisa mendapati sebanyak bahawa sebanyak 77.78% tempat kerja telah menjalankan PKKTK sendiri pada pemeriksaan Bil.1/2022. Seterusnya pelaksanaan meningkat kepada 84.92% pada pemeriksaan Bil.2/2022. Tahap pematuhan pelaksanaan PKKTK menunjukkan prestasi yang meningkat berbanding suku tahun yang sebelumnya pada Bil.3/2022 dan Bil.4/2022 dengan pencapaian sebanyak 100%.

Peratusan Tahap Pematuhan Daripada 126 Tempat Kerja

TAHAP PELAKSANAAN	BIL1/2022 (JAN - MAC)		BIL2/2022 (APR - JUN)		BIL3/2022 (JUL- SEPT)		BIL4/2022 (OKT- DIS)	
	BIL.	(%)	BIL.	(%)	BIL.	(%)	BIL.	(%)
Melaksanakan PKKTK	98	77.78%	107	84.92%	126	100%	126	100%
Tidak melaksanakan PKKTK	28	22.22%	19	15.08%	0	0.00%	0	0.00%
Jumlah	126	100.00%	126	100.00%	126	100.00%	126	100.00%

Jadual 5: Statistik Pelaksanaan PKKTK Kendiri HCTM mengikut Suku Tahunan.

AUDIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN TEMPAT KERJA

Audit keselamatan dan kesihatan tempat kerja yang dilaksanakan oleh UKKP adalah merupakan aktiviti tahunan unit. Audit yang dijalankan adalah menggunakan pendekatan kaedah pengenalanpastian hazard, penilaian risiko dan kawalan risiko (HIRARC). Laporan HIRARC yang dihasilkan merupakan penilaian terhadap aspek KKP yang menyumbang kepada perlindungan, pencegahan dan penghapusan daripada bahaya dan risiko yang berkaitan kepada warga tempat kerja.

Pada tahun 2022, sebanyak 10 tempat kerja telah dijalankan audit. 8 tempat kerja yang diaudit adalah melibatkan pemantauan keselamatan dan kesihatan secara umum mengikut kategori hazard iaitu hazard fizikal, hazard kimia, hazard ergonomik dan hazard psikososial. Manakala 2 lagi tempat kerja yang diaudit adalah melibatkan pematuhan SOP pencegahan kecederaan tajam. Secara keseluruhannya, Audit Audit keselamatan dan kesihatan tempat kerja yang telah dijalankan oleh UKKP bagi tahun 2022 adalah seperti berikut;

Bil.	Tarikh Pelaksanaan PKKTK	Lokasi Kerja
1.	13/01/2022	Stor Farmasi Utama,Jabatan Farmasi
1405C	04/02/2022	Unit Khidmat Steril (CSSD) ,Blok Klinikal
1405C	28/03/2022	Dapur Utama,Ting 1,Blok Klinikal
1405C	07/06/2022	Wad-wad Medikal (6E,6B dan 6J)
1405C	26/07/2022	Pusat Antarabangsa Casemix & Pengekodan Klinikal (ITCC)
1405C	09/08/2022	Klinik Bedah Mulut & Maksilofasial,HCTM
1405C	09/08/2022	Makmal Prostodontik,Jabatan Bedah Mulut dan Maksilofasial
1405C	28/09/2022	Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
1405C	21/10/2022	Klinik Otorinolaringologi (ENT)
1405C	29/10/2022	Dewan Bedah Utama ,Ting 2, Blok Klinikal

Jadual 6: Senarai Lokasi Kerja Dan Tarikh Pelaksanaan Audit




LAPORAN JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN (JKKP) HCTM

Pada tahun 2022 ini struktur JKKP telah ditambah baik dengan pelantikan beberapa lagi ahli baru yang mewakili pihak pengurusan. Pelantikan ahli-ahli baru ini adalah kerana mesyuarat JKKP akan berfungsi sebagai satu medium pelaporan insiden HCTM yang menyeluruh yang merangkumi pelbagai pengurusan insiden termasuk persekitaran, perhubungan awam dan siber sekuriti.

Ahli-ahli baru yang dilantik adalah Ketua Jabatan Kualiti (Puan Foziah Hanon Ahmad), Ketua Bahagian Teknologi Maklumat (Puan Kamariah Md Nasir), dan Ketua Jabatan Pengurusan Fasiliti Bersepadu (Puan Zuraidah Konil).



STRUKTUR ORGANISASI JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN HOSPITAL CANCELOR TUANKU MUHRIZ



Gambar Rajah 9

Mesyuarat JKKP

Pada tahun 2022, JKKP HCTM telah melaksanakan sebanyak 3 kali mesyuarat. Perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat merangkumi memorandum pelaksanaan minit mesyuarat, pemberitahuan mengenai kemalangan, kejadian berbahaya dan penyakit pekerjaan (NADOPOD), pemeriksaan keselamatan dan kesihatan tempat kerja serta hal-hal lain berkaitan isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Perincian pelaksanaan mesyuarat sepanjang tahun 2021 adalah seperti dinyatakan di dalam Jadual 7.

Bil	Mesyuarat	Tarikh	Lokasi/ Medium
1.	Mesyuarat JKKP Bil.1/2022	07 Julai 2022 (Khamis)	Bilik Mesyuarat Lembaga
2.	Mesyuarat JKKP Bil.2/2022	14 September 2022 (Khamis)	Bilik Mesyuarat Lembaga
3.	Mesyuarat JKKP Bil.3/2022	14 Disember 2022 (Rabu)	Bilik Mesyuarat Lembaga

Jadual 7

Aktiviti-Aktiviti JKKP Sepanjang Tahun 2022

1. Pembangunan SOP Pengambilan Darah

SOP pengambilan darah, pemberian suntikan dan pemasangan kanula intravena telah dibangunkan dalam bentuk infografik yang mengandungi lebih banyak gambarajah untuk rujukan kakitangan. SOP ini akan diedarkan untuk dipaparkan di wad-wad dan klinik-klinik perubatan.



2. Penubuhan Jawatankuasa Kecil di bawah JKKP HCTM

Dua jawatankuasa kecil di bawah JKKP telah ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Aduan Keganasan dan Gangguan Seksual dan Jawatankuasa Kecil Kimia. Jawatankuasa Aduan Keganasan dan Gangguan Seksual dipengerusikan oleh YBhg. Prof Madya Dr. Hanita Othman (Timbalan Pengarah Perkhidmatan Diagnostik, Farmasi dan Sokongan Klinikal) manakala Jawatankuasa Kecil Kimia dipengerusikan oleh Encik Hairol Azman bin Mohamad Yusop (Pegawai Sains Kanan Jabatan Perkhidmatan Makmal Diagnostik).

3. Pewujudan Jawatankuasa Keselamatan Persekitaran

Jawatankuasa Keselamatan Persekitaran telah ditubuhkan dengan menyerap fungsi JKKP secara langsung dimana majoriti keanggotaan dan pelaporan JKKP adalah tidak berubah, tetapi ditambah baik dengan penambahan ahli baru yang bersesuaian dengan TOR JKP. Pembentukan JKP ini adalah bagi memenuhi keperluan dan menjawab ketidakpatuhan Standard 2 Akreditasi MSQH yang pernah mendapat teguran sebelum ini.

4. Audit Penguatkuasaan Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan (USECHH) 2000

Pihak Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (DOSH WPKL) telah mengadakan lawatan audit pematuhan kepada Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994, ke HCTM pada 8 Ogos 2022. Audit ini bertujuan untuk melihat tahap pematuhan peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan) 2000 (Peraturan USECHH) di bawah AKKP 1994. Ia bertujuan untuk mengawal pendedahan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan di tempat kerja.

Program ini dimulakan dengan kata aluan dari Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP) HCTM, Prof. Madya Dr. Hanita Othman. Pihak DOSH WPKL juga telah menyampaikan sedikit taklimat berkaitan pengurusan bahan kimia di fasiliti kesihatan.

Seterusnya pasukan audit telah dibawa ke makmal-makmal di Jabatan Perkhidmatan Makmal Diagnostik dan Stor Buangan Terjadual (Sisa Kimia) untuk sesi lawatan audit tapak.

Lawatan audit penguatkuasaan USECHH ini ditutup dengan sesi maklumbalas audit oleh pihak penguatkuasa DOSH WPKL.





LATIHAN KEBAKARAN MEGA (MEGA FIRE DRILL) 2022



LATIHAN KEBAKARAN MEGA (MEGA FIRE DRILL) 2022

Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP) HCTM telah menganjurkan satu Latihan Kebakaran Mega, pada 16 Jun 2022 semasa Minggu Kualiti, sempena Sambutan Jubli Perak HCTM.

Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan bertindak sebagai urusetia program bersama beberapa lagi Ahli Jawatankuasa program yang lain, kesemuanya berjumlah 31 orang. Program ini telah melibatkan seramai lebih seribu orang warga HCTM dan 5 orang Pengadil dari Hospital Kuala Lumpur, Hospital Selayang, pasukan BOMBA dan Fakulti Jabatan Kesihatan Masyarakat UKM. Seramai 24 orang yang terdiri daripada kakitangan dan pesakit piawai telah berjaya melaksanakan watak masing-masing pada simulasi kebakaran ini agar simulasi lebih menyerupai kejadian semasa bencana sebenar.

Program ini bertujuan untuk memenuhi keperluan perundangan iaitu Perintah Tetap Perkhidmatan Bomba (Premis ditetapkan 1998) dan Pekeliling Perkhidmatan Bil.5/2007: Latihan Kecemasan Kebakaran hendaklah diadakan sekurang-kurangnya setahun sekali, selain melatih pasukan Emergency Response Team (ERT) / Pasukan Bantu Mula (PBM), Pegawai Insiden (PI) dan warga HCTM secara amnya dalam menangani kecemasan kebakaran. Ia juga untuk menguji sistem amaran kecemasan kebakaran, dan pelan evakuasi (pengungsian) dan pelan bencana dalaman HCTM.

Program ini dimulakan dengan taklimat kepada pemain simulasi dan pengadil, seterusnya ke simulasi kebakaran, pengungsian dan siding media, dan diakhiri dengan sesi post-mortem. Banyak perkara yang kami pelajari hasil dari perbincangan post-mortem ini dan semestinya ia akan dapat menambahbaik sistem yang sedia ada di HCTM dan seterusnya pelan belan bencana HCTM.





PROGRAM PENGUKUHAN PENGURUSAN HOSPITAL & PENGURUSAN KAKITANGAN DAN PESAKIT COVID-19 HCTM: KE FASA ENDEMIK (TEGUH)



UKKP dengan kerjasama Jabatan Kewangan dan Unit Latihan Jabatan Sumber Manusia HCTM telah menganjurkan Program Pengukuhan Pengurusan Hospital dan Pengurusan Kakitangan Pesakit COVID-19 di HCTM: Ke Fasa Endemik (TEGUH) bertempat di Hotel Avillion Resort, Port Dickson.

Program TEGUH ini telah berlangsung pada 2 – 4 Oktober 2022 dan disertai seramai 89 orang kakitangan yang terdiri dari kumpulan pengurusan tertinggi HCTM, Ketua-Ketua Jabatan serta Person-In-Charge (PIC) COVID-19 yang telah dilantik.

Objektif utama program TEGUH adalah untuk membangunkan polisi, SOP dan tata amalan dalam mengendalikan operasi hospital dan kes COVID-19 di HCTM bagi persediaan ke arah endemik sepenuhnya.



HARI MESRA PELANGGAN UKKP 2022

Sempena sambutan Minggu Kualiti HCTM 2022, UKKP telah membuka reruai Hari Mesra Pelanggan UKKP pada 15 Jun 2022 bertempat di Lobi Blok Pendidikan HCTM. Program ini adalah salah satu usaha untuk mendekati pelanggan UKKP bagi mendapatkan maklumbalas dan cadangan penambahbaikan tentang perkhidmatan UKKP di HCTM.

Berdasarkan rekod, reruai UKKP telah dikunjungi seramai 104 pengunjung berdaftar. Pelbagai aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan seperti pameran poster dan kuiz berkaitan UKKP dan JKPP, permainan mengenalpasti hazard "Spot The Hazard!", tayangan video dan kajian soal selidik kepuasan pelanggan berkaitan perkhidmatan UKKP. Setiap kakitangan yang berkunjung ke reruai UKKP juga diberikan sebiji epal hijau yang telah ditampal label "Stay Safe & Healthy" sebagai mempromosi mesej sihat dan selamat kepada kakitangan HCTM.



PROGRAM MALAYSIAN SOCIETY FOR QUALITY IN HEALTH (MSQH)

Audit Dalam Program MSQH telah dijalankan pada 20 Jun 2022 hingga 12 Julai 2022 melibatkan semua Jabatan di HCTM. Pihak Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP) sebagai unit yang memberikan perkhidmatan keselamatan dan kesihatan di HCTM terlibat sepenuhnya bagi proses pengauditan Service Standard 2 – Environmental and Safety Service.

Proses pengauditan Service Standard 2 terdiri daripada pihak UKKP bersama Bahagian Prasarana, Bahagian Keselamatan, Unit Kawalan Infeksi dan juga Unit Pengurusan Risiko telah berlangsung pada 20 Jun 2022. Dr. Mohd Anis Haron@Harun merupakan Pengarah Institut Kanser Negara (IKN) telah terlibat sebagai fasilitator yang mengetuai program audit ini bersama beberapa wakil auditor dalaman dari kalangan kakitangan HCTM yang mengendalikan sesi audit.



Pelbagai input dan juga cadangan penambahbaikan yang telah dicadangkan oleh pihak fasilitator dan Juruaudit. UKKP telah mengambil tindakan pro-aktif dengan melaksanakan beberapa pelan penambahbaikan yang dipantau oleh Jawatankuasa Induk MSQH.

Kini, pihak UKKP bersama Bahagian Prasarana, Bahagian Keselamatan, Unit Kawalan Infeksi dan juga Unit Pengurusan Risiko sedang berusaha bagi persediaan akhir Audit Program MSQH yang dijadualkan pada 7 Februari hingga 9 Februari 2023.

LAWATAN BENCH MARKING UKKP KE HOSPITAL PUTRAJAYA DAN PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA

Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah mengadakan lawatan pembelajaran bagi memperkasa pengoperasian Unit kearah persediaan untuk mewujudkan Klinik Kesihatan Pekerjaan di HCTM. Sebanyak dua buah hospital telah dilawati iaitu Hospital Pengajar Pusat Perubatan Universiti Malaya dan hospital awam Kementerian kesihatan Malaysia telah dilawati iaitu Hospital Putrajaya.

Melalui lawatan yang diadakan ini, anggota unit telah diberi pendedahan berkenaan proses kerja atau perjalanan operasi Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang dipraktikkan di hospital awam KKM dan hospital pengajar KPT.



MAJLIS PELANCARAN SISTEM PENGURUSAN INSIDEN BERSEPADU (ENSIDEN) HCTM

Pada 9 Disember 2022, Sistem Pengurusan Insiden Bersepadu (eNsiden) telah dilancarkan oleh Pengarah Hospital Canselor Tuanku Muhriz bersempena dengan penganjuran perhimpunan kakitangan kali ke 3 bagi tahun 2022.

Pelancaran Sistem Pengurusan Insiden Bersepadu (eNsiden) merupakan platform pelaporan insiden yang menambahbaik cara pelaporan terdahulu dengan lebih sistematik disamping turut mengandungi fungsi bagi menghubungkan ke beberapa sistem jabatan HCTM yang lain untuk kegunaan warga HCTM.



SAMBUTAN HARI JADI UKKP



Majlis bagi meraikan sambutan harijadi kakitangan UKKP (Januari – Julai) yang diadakan di Hotel Le Meridian Putrajaya .



Majlis bagi meraikan sambutan harijadi kakitangan UKKP (Ogos – Disember) yang diadakan di Restoran Rebung, Kuala Lumpur.

LAWATAN UKKP KE RIYALAND SDN. BHD.

Pada 20 Disember 2022, Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan HCTM telah berkunjung ke sebuah fasiliti pemulihan dan pelupusan buangan terjadual (sisa kimia) yang diiktiraf oleh Jabatan Alam Sekitar iaitu Riyaland Sdn. Bhd.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah bagi memperkasakan pengurusan bahan buangan berjadual (sisa kimia) di HCTM. Melalui lawatan ini, kakitangan UKKP telah diberikan pendedahan yang menyeluruh terhadap proses pemulihan pelbagai jenis buangan berjadual yang dijalankan di fasiliti Riyaland Sdn. Bhd seperti sisa minyak dan pelarut.

Lawatan ini dimulakan dengan taklimat dan penerangan secara teori berkenaan fasiliti dan operasi di Riyaland oleh wakil pengurusan. Seterusnya kakitangan UKKP dibawa melawat ke bahagian operasi untuk melihat lebih dekat proses pemulihan dan pelupusan sisa yang dijalankan. Lawatan ini diakhiri dengan pemberian cenderahati kepada wakil Riyaland Sdn Bhd serta makan tengahari di Pekan Batang Kali.



MAJLIS ANUGERAH DAN SANJUNGAN BAKTI HOSPITAL CANCELOR TUANKU MUHRIZ

Majlis Anugerah Bitara dan Sanjungan Bakti Hospital Canselor Tuanku Muhriz Tahun 2022, di Dewan Serbaguna, Blok Tambahan, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Cheras pada 17 Jun 2022 (Jumaat) jam 9.00 pagi.

